

Masalah pekerja asing akan selesai dalam tiga bulan

KUALA LUMPUR – Kerajaan yakin dapat menyelesaikan isu kekurangan pekerja asing dalam tempoh tiga bulan dengan pelaksanaan Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, menerusi pelan tersebut proses kelulusan permohonan kuota pekerja asing serta kelulusan penggajian dapat dipercepatkan.

Katanya, inisiatif itu akan melibatkan beberapa sektor kritikal seperti pembuatan, pembinaan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan iaitu bagi subsektor restoran.

"Majikan di bawah kelima-


lima sektor dan subsektor itu boleh mengemukakan permohonan penggajian pekerja asing melalui platform Foreign Worker Centralised Management System (FWCMS) di bawah modul FWE Approval.

"Di bawah Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing ini, majikan-majikan yang memerlukan pekerja asing dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing dari 15 negara sumber tanpa melalui prasyarat kelayakan penggajian dan kelayakan kuota yang dikenakan sebelum ini dan tanpa proses temu duga oleh Agensi Kawal Selia (AKS)," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Lim Guan Eng (**PH-Bagan**) yang ingin tahu mengenai usaha diambil untuk mempercepatkan kemusukan pekerja asing dan kelonggaran yang diberikan kepada majikan.

Tambah Sivakumar, pengiklanan kekosongan jawatan di portal MyFuture Jobs juga telah dikecualikan berkuat kuasa serta-merta.

"Kementerian Sumber Manusia akan memproses dan memberi kelulusan permohonan penggajian pekerja asing dalam tempoh tiga hari bekerja dari tarikh permohonan diterima," katanya.



PEKERJA asing beratur untuk membuat pemeriksaan dokumen di kaunter imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang. – GAMBAR FAIL

+ Kosmo-Negara 16/2/23 MS4